



AM

Benua Hijau Menang Anugerah Kelestarian Alam Sekitar Di ESG PLUS 2025

🕒 11/12/2025 05:59 PM



KUALA LUMPUR, 11 Dis (Bernama) -- Benua Hijau Sdn Bhd berjaya meraih Anugerah Kelestarian Alam Sekitar - Perlindungan Biodiversiti dan Sumber Semula Jadi pada majlis Anugerah ESG PLUS 2025, semalam.

Dalam kenyataan hari ini, syarikat tersebut memaklumkan pengiktirafan itu mencerminkan usaha mereka dalam penjagaan tanah secara bertanggungjawab, program perlindungan hidupan liar, inisiatif pemulihan habitat serta amalan pengurusan sumber yang lestari.

Menurut kenyataan itu, Anugerah Kelestarian Alam Sekitar itu merupakan satu pencapaian penting terhadap usaha melindungi ekologi dan pembangunan lestari.

“Kami berbangga menerima Anugerah Kelestarian Alam Sekitar ini. Melindungi warisan semula jadi kita bukan sahaja satu komitmen tetapi merupakan tanggungjawab kita kepada generasi masa depan.

“Pengiktirafan ini menyuntik semangat untuk kita terus memperluas usaha pemuliharaan dan memperjuangkan perlindungan biodiversiti di seluruh negara,” menurut Benua Hijau, sebuah syarikat Malaysia yang komited terhadap kelestarian alam sekitar, perlindungan biodiversiti dan pengurusan sumber yang bertanggungjawab.

Menurut kenyataan itu syarikat berkenaan telah melaksanakan strategi pemuliharaan berasaskan sains, pendidikan alam sekitar yang dipacu komuniti dan projek kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan, badan bukan kerajaan (NGO) serta universiti dalam usaha memelihara biodiversiti dan melindungi sumber semula jadi.

Antara inisiatif utamanya adalah pemulihan habitat semula jadi *Melaleuca cajuputi* (Pokok Gelam) di Setiu Wetlands, Terengganu; penanaman semula dan pemulihan kawasan hutan terjejas; perlindungan flora dan fauna terancam; amalan penggunaan tanah dan pengurusan sumber yang lestari; serta program pendidikan komuniti dan kesedaran alam sekitar.

Usaha ini seiring dengan rangka kerja biodiversiti negara dan matlamat kemampanan global.

-- BERNAMA

-